Published on *Portal Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia* (http://kl.kehakiman.gov.my)



# Hakim Besar Sabah dan Sarawak [1]



YAA Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah
Hakim Besar Sabah dan Sarawak
SPDK, PGDK

Yang Amat Arif Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah dilahirkan pada 20.08.1953 di Sandakan, Sabah. Yang Amat Arif telah melanjutkan pengajian undang-undang di Universiti New South Wales, Sydney, Australia. Yang Amat Arif juga telah memperolehi Sarjana B Com (dalam Bidang Perakaunan) dari universiti yang sama.

Yang Amat Arif memulakan kerjaya beliau sebagai auditor di Sydney pada tahun 1978 sehingga 1979 di sebuah Firma Akauntan. Pada tahun 1979, Yang Amat Arif telah diterima masuk sebagai peguam bela di Mahkamah Agung New South Wales, Australia.

Kerjaya Yang Amat Arif dalam undang-undang di Malaysia bermula dengan penerimaan masuk Yang Amat Arif sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak pada tahun 1980 dan menjadi peguam sehingga 1992.

Yang Amat Arif kembali meneruskan kerjaya akauntan beliau di Sydney pada tahun 1992 sehingga tahun 1996 dan kembali ke Sandakan pada tahun 1997 sebagai peguam bela dan peguam cara di Tetuan Peter Lo & Co.

Yang Amat Arif seterusnya dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 29.08.2005, seterusnya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak pada 11 April 2007.

Sepanjang perkhidmatan Yang Amat Arif di Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak, Yang Amat Arif telah menjadi Hakim Pengurus dalam memastikan sistem pengkomputeran dan Court Recording System di perkenalkan sehingga ke hari ini.

Pada 08 Januari 2013, Yang Amat Arif dilantik ke Mahkamah Rayuan dan pada 27.04.2018, Yang Amat Arif dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Pada 11 Julai 2018, Yang Amat Arif telah dilantik sebagai Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Yang Amat Arif telah berkahwin dengan YBhg. Datin Janet Wong Ying Kin dan dikurniakan dengan tiga orang anak iaitu Davina, Daphne dan Justin.

ALAMAT

Pejabat Utama:

Hakim Besar Sabah & Sarawak

Kamar Hakim Besar Sabah & Sarawak

Jalan Gersik  93050 Petra Jaya

Kuching SARAWAK

(082) 449989 (082) 313400

Pejabat Putrajaya:

Hakim Besar Sabah & Sarawak

Kamar Hakim Besar Sabah & Sarawak

Aras 5, Istana Kehakiman

Presint 3, 62506

PUTRAJAYA

(03) 88803500 (03) 88803619

Pejabat Sabah:

Hakim Besar Sabah & Sarawak

Kamar Hakim Besar Sabah & Sarawak

Mahkamah Tinggi Sabah,

88809 Kota Kinabalu,

SABAH

(088) 523700 (088) 210055

Hakcipta Terpelihara 2017 © Pejabat Ketua Pendaftaran Mahkamah Persekutuan Malaysia

Tarikh Kemaskini Terkini 23 Mei 2019

- Jumlah Pelawat:823,730

---

Source URL: http://kl.kehakiman.gov.my/ms/mahkamah/mahkamah-tinggi/hakim-besar-sabah-dan-sarawak
Links
[1] http://kl.kehakiman.gov.my/ms/mahkamah/mahkamah-tinggi/hakim-besar-sabah-dan-sarawak